

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 27/01/2025  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12  
Tajuk : Canopy Walk tarikan terbaharu di Kuala Lumpur

## Canopy Walk tarikan terbaharu di Kuala Lumpur

**KUALA LUMPUR** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengambil inisiatif menyumbang pencahayaan di sepanjang laluan Canopy Walk, Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL).

Ahli Lembaga Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail berkata, inisiatif itu merupakan sebahagian program tanggungjawab sosial Angkasa sempena sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa 2025 dan kepengerusan ASEAN 2025.

Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan nilai tarikan dalam mempromosikan ekopelancongan TERKL yang merupakan satu-satunya *green lung area* di Kuala Lumpur.

Menerusi inisiatif itu, laluan kanopi akan diterangi lampu



**KAMARUDIN** (empat dari kanan) melakukan gimik perasmian Program Penghijauan Malaysia dan Pencahayaan Canopy Walk di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur semalam.

dan memberi pengalaman unik kepada pengunjung menikmati keindahan flora dan fauna pada waktu malam di tengah ibu kota.

"Angkasa memperuntukkan RM30,000 untuk pemasangan lampu jika dapat sambutan kita akan tambah lagi. Ia bagi memas-

tikan kehadiran pengunjung bertambah sekali gus memberi aktiviti malam bermanfaat di Kuala Lumpur," katanya selepas meras-

mikan program itu semalam.

Sementara itu, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan, Azrul Ekhuan Eliah berkata, dengan tarikan baharu itu, bilangan pengunjung dijangka bertambah sehingga 20 peratus berbanding 68,000 orang pada tahun lalu.

Katanya, program itu masih di peringkat awal dan aktiviti tersebut akan dibuka secara berkala bergantung kepada situasi semasa.

"Untuk memasuki TERKL, pengunjung tempatan dikenakan bayaran RM10, manakala pelancong asing pula RM40.

"Operasinya bermula pukul 10 pagi dan untuk aktiviti *canopy walk* pada waktu malam tempoh lawatan akan dilanjutkan sehingga pukul 10.30 malam," katanya.